

## SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI KEMUDAHAN BANTUAN KHAS/SPECIAL RELIEF FACILITY (SRF)

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Kemudahan Bantuan Khas/ <i>Special Relief Facility (SRF)</i> ?	SRF ialah kemudahan bantuan khas yang ditawarkan oleh Bank kepada usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di mana perniagaannya telah terjejas berikutan penularan wabak COVID-19 bagi mengurangkan masalah aliran tunai jangka pendek yang dihadapi oleh usahawan PKS tersebut.
2	Siapakah yang layak untuk memohon SRF?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PKS yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19.</li> <li>• 51% pegangan saham perniagaan dimiliki oleh warganegara Malaysia.</li> <li>• Pelanggan sedia ada Bank atau pelanggan baru.</li> </ul>
3	Apakah definisi PKS untuk mendapatkan SRF?	<p>Definisi PKS adalah sepertimana garis panduan yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia pada tahun 2013 yang boleh didapati di pautan berikut:-</p> <p><a href="http://www.smecorp.gov.my/index.php/my/component/content/article/87-definisi-pks-sme-info/371-definisi-pks?Itemid=437">http://www.smecorp.gov.my/index.php/my/component/content/article/87-definisi-pks-sme-info/371-definisi-pks?Itemid=437</a></p>
4	Berapakan jumlah pembiayaan maksimum SRF?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pembiayaan maksimum SRF adalah sebanyak RM1.0 juta untuk setiap permohonan dari PKS, termasuk mana-mana perniagaan lain yang mempunyai pemegang saham yang sama dengan PKS tersebut.</li> <li>• Mana-mana perniagaan lain yang mempunyai pemegang saham yang sama dengan PKS dibenarkan untuk memperolehi had maksimum pembiayaan secara berasingan DENGAN SYARAT setiap perniagaan tersebut memiliki tenaga kerja yang berasingan.</li> </ul>
5	Apakah tujuan SRF?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khusus untuk tujuan modal pusingan perniagaan sahaja.</li> <li>• Ianya tidak boleh digunakan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit/ pembiayaan sediada.</li> </ul>
6	Apakah bidang atau sektor yang diberikan SRF?	Agrobank menawarkan pembiayaan kepada PKS yang terlibat dalam sektor pertanian, makanan dan industri asas tani.
7	Berapakah kadar keuntungan SRF?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar keuntungan SRF adalah sehingga 3.5% setahun termasuk fi jaminan.</li> <li>• Kadar keuntungan dikira berdasarkan pengurangan baki pembiayaan.</li> </ul>
8	Adakah SRF memerlukan sebarang cagaran?	<p>Cagaran tidak diperlukan.</p> <p>Namun PKS boleh mendapatkan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP).</p>
9	Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan di bawah SRF?	Hanya Kemudahan Pembiayaan Berjangka sahaja yang ditawarkan di bawah SRF.

10	Tempoh pembiayaan maksimum pembiayaan SRF?	Tempoh pembiayaan maksimum adalah 66 bulan (5 tahun 6 bulan) termasuk tempoh penangguhan (moratorium) selama 6 bulan.
11	Tempoh sah SRF ditawarkan?	Dari 6 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.
12	Di manakah pelanggan boleh membuat permohonan SRF?	<p>Pelanggan boleh membuat permohonan di cawangan-cawangan Bank yang terdekat.</p> <p>Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, permohonan SRF boleh diemelkan ke <b>customer@agrobank.com.my</b> atau melalui pautan borang permohonan yang boleh didapati di <b>www.agrobank.com.my/srf</b></p>

20 April 2020